

SPRM, DBKL cari tempat sementara MACA beroperasi

(27 APRIL 2023) Utusan, P7

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang mendapatkan tempat sementara bagi meneruskan operasi Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, ketika ini, ramai kakitangan di MACA masih bercuti bagi sam-

butan Hari Raya Aidilfitri.

“Penutupan sementara operasi di MACA bergantung kepada nasihat dan arahan Jabatan Kerja Raya (JKR),” katanya ketika dihubungi semalam.

Terdahulu, 45 kakitangan MACA diarah mengosongkan seluruh akademi susulan kejadian tanah runtuh di pintu masuk utama bangunan itu semalam atas nasihat pihak bomba dan akan berterusan sehingga kawasan terbabit diisytiharkan selamat.